



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE EXAMINATION  
(AUGUST 2025)**

**EVIDENCE**

**Tuesday, 12 August 2025**

**Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.**

**Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.**

- 
- \* THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B'.**
  - \* YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
  - \* YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
  - \* GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
  - \* RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
- 

**REMINDER:**

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer the questions **either** in the English or national language.

**(This question paper has 7 questions printed on 9 pages)**



**PART A: COMPULSORY QUESTION****1. Candidates MUST answer this question**

Nevo was charged with the murder of his fiancée, Fifi, by stabbing her to death. He claimed trial.

The prosecution alleged that Nevo and Fifi were returning home after a party, and when they approached a park and lonely road, Nevo stopped and claimed that he had to go ease himself in the bushes. However, what Nevo did then was to go into the back seat and stab Fifi from the back, where he stabbed her 17 times before calling the police and pretending that it was a stranger who had done that.

Nevo claimed that he had stopped to ease himself in the bushes, when someone had whacked him on the back of his head causing him to become unconscious. He also claimed that when he came to his consciousness, he found Fifi in a bloodied state. He then called the police who arrived at the scene within half an hour.

The police were unable to find any trace of the weapon supposedly used on Fifi, and Nevo, who was wearing a spotless white shirt, had no blood stains on him.

The prosecution adduced the following facts:

- Fifi had been unfaithful to Nevo and had told one of her lovers, Kyle, that Nevo was becoming a pest and that she intended to break the engagement with Nevo;
- Tom and Maya, a couple who were friends with Nevo and Fifi, claimed that they had seen Fifi and Nevo when both of their cars had stopped at a traffic light. Tom and Maya were convinced that Nevo was wearing a red batik shirt;
- At Fifi's funeral, Nevo appeared to be in good spirits and was even heard entertaining friends by showing off his new dance routines;

- Fifi's sister testified that Nevo and Fifi argued all the time, and the last argument was when Nevo punched Fifi and left her bruised and battered.

By reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, discuss the following:

- (a) **The relevancy of the facts adduced by the prosecution.**

**(15 marks)**

- (b) **The burden and standard of proof on the prosecution, bearing in mind that the prosecution is relying on circumstantial evidence.**

**(10 marks)**

**PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**

**2. Answer ALL parts of this question**

At a trial in a civil suit for breach of contract, the Plaintiff purported to tender documents that are being opposed by the Defendant's counsel. The documents that are being tendered are as follows:

- (i) Scanned copy of the agreement between the Plaintiff and the Defendant;
- (ii) The Plaintiff's statement of account of the Defendant's indebtedness prepared by Shoddy, the Plaintiff's previous accounts manager, who is now working in Hong Kong;
- (iii) The facsimile copy of the letter of demand to the Defendant issued by the Plaintiff's solicitors; and
- (iv) A certificate from the Ministry of Finance, Malaysia confirming the Plaintiff's registration with the Ministry. The Ministry's official who issued the certificate has now been posted to the Consular Office in Korea.

The Defendant contended that these documents contravened the provisions of the Evidence Act 1950 and therefore, are inadmissible in that the scanned copy of the agreement tendered is not the original, that Shoddy must be called to admit the statement of account and that the facsimile copy of the letter of demand and the Ministry of Finance certificate have to be tendered through their respective makers.

Advise the Plaintiff's counsel by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws on the admissibility of these documents:

(a) **The scanned copy of the agreement.**

**(7 marks)**

(b) **The statement of account.**

**(8 marks)**

(c) **The facsimile copy of the letter of demand.**

**(5 marks)**

(d) **The certificate from the Ministry of Finance.**

**(5 marks)**

3. The accused, Sami, 38, is charged with the murder of his wife, Kimberly, 52, by meddling with her parachute during a sky-diving excursion, resulting in her falling to her death in January 2025.

The prosecution would like to adduce as evidence the deaths of Sami's previous wives, Beverly in 2012 and Chelsea in 2018.

The facts pertain to Sami's first wife, Beverly, who was presumed dead due to drowning while scuba diving. The evidence pointed to the involvement of Sami (then 26), who had gone on a scuba diving holiday with Beverly (then 48). Beverly's body was never found, and she was presumed dead.

Chelsea died due to a rock-climbing accident. According to the facts, both Sami (then 32) and Chelsea (then 50) went rock climbing, and according to Sami, Chelsea lost her balance and fell off a cliff where the rock climbing took place.

The facts also show that Sami met with all three women online and began dating them soon after.

Beverly was a widow who had inherited a lot of money when her previous husband died.

Chelsea was a divorcee, whilst Kimberly was an unmarried woman.

Sami was investigated for Beverly's death but was never charged.

He was investigated and charged with the death of Chelsea but was acquitted at the end of the prosecution's case as there was insufficient evidence.

**Advise the prosecution, by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, whether the evidence pertaining to Beverly and Chelsea would be admissible to prove Sami's guilt on the murder charge of Kimberly.**

**(25 marks)**

4. The accused was charged with the rape of his live-in Indonesian maid in a room at his house. At the trial, the Indonesian maid gave oral testimony. After the prosecution closed its case, the learned Sessions Court Judge found that the prosecution had made out a prima facie case and called the accused to make his defence. In the meantime, the maid returned to Indonesia.

Before she returned to Indonesia, the maid made a statutory declaration before a Commissioner for Oaths, where she had admitted that her accusations of rape against the accused were fabricated in an attempt for her to return home to Indonesia before the end of her contract. The maid also stated in the statutory declaration that she would not return to Malaysia to attend court due to financial

constraints and travel difficulties. She also said in the statutory declaration that she feared she would be arrested if she returned to Malaysia.

During the examination-in-chief, the accused referred to the statutory declaration and applied to the court to tender it. The prosecution objected, submitting that the statutory declaration was inadmissible, deeming it hearsay and insufficient compliance with the Evidence Act 1950. The learned Sessions Court Judge has adjourned the matter to give the parties time to submit on the admissibility of the statutory declaration.

**The accused is unable to locate the maid and has now sought your advice on the admissibility of the statutory declaration. Advise the accused by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws on how he could admit the statutory declaration.**

**(25 marks)**

5. Wamon has filed an appeal against the decision of the High Court that had dismissed his claim against Chutpai for specific performance of a sale of shares agreement.

Chutpai denies executing the agreement or the share transfer form. Wamon engaged Khemkun, a recently qualified forensic document examiner, to examine these documents. Khemkun had, in his report, testified that the signature on the agreement and the share transfer form belonged to Chutpai.

The learned High Court Judge in his grounds of judgment ruled that Khemkun lacked experience and his evidence was unreliable.

He also upheld Chutpai's objection, ruling that Linda, Chutpai's ex-wife, cannot be called to give evidence against him and on behalf of Wamon. Linda intended to give evidence during the trial that Chutpai did inform her of his intention to sell the shares to Wamon. Linda also claimed that she did see the signature on the share transfer form and believed it was Chutpai's.

The learned Judge also refused to grant Wamon's Counsel's application to recall Wamon to give further evidence on the grounds that the application was made after the close of Chutpai's case.

**Advise Wamon if he has sufficient grounds to support his appeal.**

**(25 marks)**

**6. Answer ALL parts of this question**

Uranus, the son of the late Jupiter, is the propounder of Jupiter's Will dated 10 April 2010 ("1<sup>st</sup> Will"). The 1<sup>st</sup> Will was witnessed by Uranus's lawyers, Neptune and Pluto. Saturn is Jupiter's illegitimate son and is the propounder of Jupiter's 2<sup>nd</sup> Will dated 24 August 2017 ("2<sup>nd</sup> Will"). The 2<sup>nd</sup> Will was witnessed by Mercury and Solar.

Jupiter died on 3 February 2018 at the age of 81 after suffering from a chronic ailment for over 2 years prior to his demise. During the said 2 years, Jupiter was under the care of Jupiter's mistress, Mars, who is also Saturn's mother. Uranus commenced legal action against Saturn and claimed that the 1<sup>st</sup> Will was Jupiter's last will and testament, while Saturn denied the allegation and counterclaimed that the 2<sup>nd</sup> Will was Jupiter's last will and testament.

At the trial, both Neptune and Pluto were called to give evidence and confirmed that they witnessed Jupiter's due execution of the 1<sup>st</sup> Will. During the defence case, Saturn tendered to the court a deed prepared and signed by Jupiter in 2015 ("the Deed") wherein Jupiter stated that he would effect the transfer of all his properties to Saturn and Mars in due course. Saturn also tendered into court a video by Jupiter in which he said that he did not want anything to do with Uranus and his wife, Venus, who is also Uranus's mother and claimed that Saturn was his lawful son. He went on to express his love and affection for Mars in the video. Saturn also gave evidence that a few days after Jupiter's death, Mercury did meet Saturn and Venus and informed them that Jupiter did execute the 2<sup>nd</sup> Will which

was a replacement for the 1<sup>st</sup> Will (“Meeting”). Mercury has since closed his legal practice and is facing several charges of fraud. Saturn did not call Mercury as his witness. At the trial, Uranus objected to the admissibility of the Deed and the video, and claimed that the Meeting with Mercury was hearsay.

Advise Saturn, by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, the following:

- (a) **The admissibility of the Deed.** (7 marks)
- (b) **The admissibility of the video.** (8 marks)
- (c) **The consequence of Saturn’s failure to call Mercury.** (10 marks)

7. **Answer ALL parts of this question**

- (a) Romeo commenced an action against Juliet and her husband, Casanova, for a declaration that he (Romeo) be granted access to Tybalt, a two-year-old boy. At the trial, Romeo alleged that he is the biological father of Tybalt, as he had an affair with Juliet around the time Tybalt was conceived. Juliet admitted the affair but denied Romeo’s alleged paternity. Juliet maintained that she was lawfully married to Casanova at the time Tybalt was born through her consummation of their marriage. Juliet and Casanova produced their marriage certificate that shows they were married about eight months prior to Tybalt’s birth.

**As Juliet and Casanova’s counsel, advise them by reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws of Romeo’s claim of paternity of Tybalt.**

**(10 marks)**

- (b) Darnel instituted legal action against the State Government as the beneficiary of Cropp, his now deceased great-grandfather, over the ownership of a piece of land. Darnel claims that Cropp originally owned and occupied the land from 1900 until his demise in 1950. The State Government submitted various documents to show that the land was never owned by Darnel's great-grandfather. The documents include –
- (i) an article by one Mr. Crossfellow in the Straits Settlement Times newspaper that was published in 1929, stating that the subject land was State land and that the land was earmarked to be developed with other surrounding lands into a new township by the State Government to meet the demands of the neighbouring tin mine workers; and
  - (ii) a book on the history of the State by one Mr. Cunningman published in 1951 that mentions in one of its chapters that the subject land, being State land, was intended for development into a township with other surrounding lands to support the adjacent tin mining industry but did not proceed due to World War II.

Both Mr. Crossfellow and Mr. Cunningman cannot be located and are presumed dead.

At the hearing, counsel for the State Government submitted that the court could accept the article and the history book into evidence as proof that the land belonged to the State Government and should dismiss Darnel's claim.

**By reference to the Evidence Act 1950 and relevant case laws, explain your decision as the presiding Judge whether the article and the history book are admissible as proof of the State Government's ownership of the land.**

**(15 marks)**

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA  
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN  
(OGOS 2025)**

**KETERANGAN**

**Selasa, 12 Ogos 2025**

**Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi**

**Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari**

- 
- \*KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
  - \*ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
  - \*ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
  - \*BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
  - \*KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG RELEVAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
- 

**PERINGATAN:**

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

**(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 11 muka surat)**



**BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB****1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Nevo telah dipertuduh membunuh tunangnya, Fifi, dengan menikamnya sehingga mati. Dia telah menuntut untuk dibicarakan.

Pihak pendakwaan mengatakan bahawa Nevo dan Fifi sedang pulang ke rumah selepas menghadiri suatu parti, dan apabila mereka tiba di suatu taman dan jalan yang sunyi, Nevo telah berhenti dan mendakwa bahawa dia perlu membuang air di dalam semak. Walau bagaimanapun, apa yang dibuat oleh Nevo pada masa itu ialah dia telah pergi ke tempat duduk belakang dan menikam Fifi dari belakang, di mana dia telah menikam Fifi sebanyak 17 kali sebelum memanggil polis dan berpura-pura bahawa seseorang yang tidak dikenali telah melakukannya.

Nevo mendakwa bahawa dia telah berhenti untuk membuang air di dalam semak, apabila seseorang telah memukulnya di belakang kepalanya yang menyebabkan dia tidak sedarkan diri. Dia juga mendakwa bahawa apabila dia sedar semula, dia telah menjumpai Fifi dalam keadaan berlumuran darah. Dia kemudiannya telah menelefon polis yang telah sampai di tempat kejadian dalam masa setengah jam.

Pihak Polis tidak dapat menemui apa-apa kesan senjata yang dikatakan telah digunakan ke atas Fifi, dan Nevo, yang memakai baju putih yang sangat bersih, tidak mempunyai kesan darah pada dirinya.

Pihak pendakwaan telah mengemukakan fakta-fakta yang berikut:

- Fifi telah curang terhadap Nevo dan telah memberitahu salah seorang kekasihnya, Kyle, bahawa Nevo telah menjadi seorang pengacau dan bahawa dia berniat untuk memutuskan pertunangannya dengan Nevo;
- Tom dan Maya, pasangan yang bersahabat dengan Nevo dan Fifi, mendakwa bahawa mereka telah melihat Fifi dan Nevo apabila kedua-dua kereta mereka

berhenti di lampu isyarat. Tom dan Maya yakin bahawa Nevo telah memakai baju batik berwarna merah;

- Semasa pengebumian Fifi, Nevo kelihatan berada dalam keadaan riang dan didengari sedang menghiburkan sahabat-sahabatnya dengan menunjukkan pergerakan tarinya yang baharu;
- Saudara perempuan Fifi telah memberikan keterangan bahawa Nevo dan Fifi sering bertengkar, dan pertengkaran yang terakhir adalah apabila Nevo menumbuk Fifi dan telah meninggalkannya dalam keadaan lebam dan luka.

Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, bincangkan yang berikut:

(a) **Kerelevanan fakta-fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.**

**(15 markah)**

(b) **Beban dan standard pembuktian ke atas pihak pendakwaan, dengan mengambil kira bahawa pihak pendakwaan bergantung pada keterangan mengikut keadaan.**

**(10 markah)**

### **BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**

#### **2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Semasa perbicaraan suatu guaman sivil bagi kemungkiran kontrak, Plaintiff dikatakan telah mengemukakan dokumen-dokumen yang telah dibantah oleh peguam Defendan. Dokumen-dokumen yang telah dikemukakan itu adalah seperti yang berikut:

- (i) Salinan imbas perjanjian antara Plaintiff dengan Defendan;
- (ii) Penyata akaun Plaintiff mengenai keberhutangan Defendan yang disediakan oleh Shoddy, mantan pengurus akaun Plaintiff, yang kini sedang bekerja di Hong Kong;
- (iii) Salinan faksimile surat tuntutan kepada Defendan yang dikeluarkan oleh peguam cara Plaintiff; dan
- (iv) Suatu perakuan daripada Kementerian Kewangan, Malaysia yang mengesahkan pendaftaran Plaintiff dengan Kementerian itu. Pegawai Kementerian yang mengeluarkan perakuan itu kini telah ditempatkan di Pejabat Konsular di Korea.

Defendan menegaskan bahawa dokumen-dokumen ini melanggar peruntukan Akta Keterangan 1950 dan oleh itu, tidak boleh diterima kerana salinan imbas perjanjian yang telah dikemukakan itu bukanlah yang asal, kerana Shoddy mesti dipanggil untuk membolehkan penyata akaun itu diterima dan kerana salinan faksimile surat tuntutan dan perakuan Kementerian Kewangan itu hendaklah dikemukakan melalui pembuatnya masing-masing.

Berikan nasihat kepada peguam Plaintiff dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai kebolehterimaan dokumen-dokumen ini:

- (a) **Salinan imbas perjanjian.** (7 markah)
- (b) **Penyata akaun.** (8 markah)
- (c) **Salinan faksimile surat tuntutan.** (5 markah)

(d) **Perakuan daripada Kementerian Kewangan.**

**(5 markah)**

3. Tertuduh, Sami, 38, dipertuduh membunuh isterinya, Kimberly, 52, dengan merosakkan payung terjun Kimberly semasa suatu rombongan terjun udara, yang mengakibatkan dia jatuh hingga mati pada Januari 2025.

Pihak pendakwaan ingin mengemukakan sebagai keterangan kematian isteri-isteri Sami yang terdahulu, iaitu Beverly pada 2012 dan Chelsea pada 2018.

Fakta itu berhubung dengan isteri pertama Sami, Beverly, yang dianggap telah mati akibat lemas semasa selam skuba. Keterangan itu menunjukkan penglibatan Sami (26 pada ketika itu), yang telah pergi bercuti selam skuba bersama Beverly (48 pada ketika itu). Mayat Beverly tidak pernah dijumpai, dan dia dianggap telah mati.

Chelsea telah mati akibat suatu kemalangan panjat batu. Mengikut fakta, kedua-dua Sami (32 pada ketika itu) dan Chelsea (50 pada ketika itu), telah pergi menanjat batu, dan menurut Sami, Chelsea telah hilang imbangannya dan terjatuh dari suatu tebing tinggi di mana panjat batu itu dijalankan.

Fakta juga menunjukkan bahawa Sami telah berjumpa dengan ketiga-tiga wanita itu secara dalam talian dan telah mula berpacaran dengan mereka sebaik selepas itu.

Beverly merupakan seorang balu yang telah mewarisi wang yang banyak apabila suami terdahulunya meninggal dunia.

Chelsea merupakan seorang janda, sementara Kimberly merupakan seorang wanita yang tidak berkahwin.

Sami telah disiasat atas kematian Beverly tetapi tidak pernah dipertuduh.

Dia telah disiasat dan dipertuduh atas kematian Chelsea tetapi telah dibebaskan pada akhir kes pendakwaan kerana keterangan yang tidak mencukupi.

**Berikan nasihat kepada pihak pendakwaan, dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, sama ada keterangan yang berhubung dengan Beverly dan Chelsea boleh diterima untuk membuktikan Sami bersalah atas pertuduhan membunuh Kimberly.**

**(25 markah)**

4. Tertuduh telah dipertuduh merogol pembantu rumah Indonesia yang tinggal bersamanya di dalam sebuah bilik di rumahnya. Semasa perbicaraan, pembantu rumah Indonesia itu telah memberikan testimoni lisan. Selepas pihak pendakwaan menutup kesnya, Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie dan telah memanggil tertuduh untuk membuat pembelaannya. Sementara itu, pembantu rumah itu telah pulang ke Indonesia.

Sebelum pembantu rumah itu pulang ke Indonesia, pembantu rumah itu telah membuat suatu akuan berkanun di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah, yang di hadapannya dia telah mengaku bahawa tuduhan merogol yang dibuat olehnya terhadap tertuduh telah dipalsukan dalam percubaannya untuk pulang ke Indonesia sebelum kontraknya berakhir. Pembantu rumah itu juga menyatakan dalam akuan berkanun itu bahawa dia tidak akan pulang ke Malaysia untuk hadir ke mahkamah kerana kekangan kewangan dan kesukaran perjalanan. Dia juga menyatakan dalam akuan berkanun itu bahawa dia berasa takut akan ditangkap jika dia pulang ke Malaysia.

Semasa pemeriksaan utama, tertuduh telah merujuk akuan berkanun itu dan telah memohon kepada mahkamah untuk mengemukakannya. Pihak pendakwaan telah membantah dengan menghujahkan bahawa akuan berkanun itu tidak boleh diterima, dengan menyifatkannya sebagai dengar cakap dan tidak cukup

mematuhi Akta Keterangan 1950. Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana itu telah menangguhkan perkara itu untuk memberi pihak-pihak masa untuk membuat hujahan mengenai kebolehterimaan akuan berkanun itu.

**Tertuduh tidak dapat mengesan pembantu rumah itu dan sekarang telah memohon nasihat anda mengenai kebolehterimaan akuan berkanun itu. Berikan nasihat kepada tertuduh dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai bagaimana dia dapat membolehkan akuan berkanun itu diterima masuk.**

**(25 markah)**

5. Wamon telah menfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang telah menolak tuntutananya terhadap Chutpai bagi pelaksanaan spesifik suatu perjanjian penjualan syer.

Chutpai menafikan menyempurnakan perjanjian itu atau borang pemindahan syer. Wamon telah mengguna khidmat Khemkun, seorang pemeriksa dokumen forensik yang baru sahaja berkelayakan, untuk memeriksa dokumen-dokumen ini. Khemkun telah, dalam laporannya, memberikan keterangan bahawa tandatangan pada perjanjian dan borang pemindahan syer itu ialah kepunyaan Chutpai.

Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana memutuskan dalam alasan penghakimannya bahawa Khemkun kurang berpengalaman dan keterangannya tidak boleh dipercayai.

Beliau juga membenarkan bantahan Chutpai, dengan memutuskan bahawa Linda, bekas isteri Chutpai, tidak boleh dipanggil untuk memberikan keterangan terhadap Chutpai dan bagi pihak Wanmon. Linda berniat untuk memberikan keterangan semasa perbicaraan bahawa Chutpai telah memaklumkan mengenai niat Chutpai untuk menjual syer itu kepada Wamon. Linda juga mendakwa bahawa dia telah melihat tandatangan pada borang pemindahan syer itu dan mempercayai bahawa tandatangan itu ialah tandatangan Chutpai.

Hakim yang bijaksana juga enggan membenarkan permohonan oleh peguam Wamon untuk memanggil semula Wamon untuk memberikan keterangan lanjut atas alasan bahawa permohonan itu telah dibuat selepas kes Chutpai ditutup.

**Berikan nasihat kepada Wamon jika dia mempunyai alasan yang mencukupi untuk menyokong rayuannya.**

**(25 markah)**

**6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

Uranus, anak lelaki kepada mendiang Jupiter, merupakan orang yang mengemukakan Wasiat Jupiter bertarikh 10 April 2010 (“Wasiat Pertama”). Wasiat Pertama telah disaksikan oleh peguam-peguam Uranus, Neptune dan Pluto. Saturn merupakan anak lelaki tidak sah taraf Jupiter dan merupakan orang yang mengemukakan Wasiat Kedua Jupiter bertarikh 24 Ogos 2017 (“Wasiat Kedua”). Wasiat Kedua tersebut telah disaksikan oleh Mercury dan Solar.

Jupiter telah meninggal dunia pada 3 Februari 2018 semasa berusia 81 tahun selepas menderita penyakit kronik selama lebih 2 tahun sebelum kematiannya. Semasa tempoh 2 tahun tersebut, Jupiter telah diletakkan di bawah jagaan perempuan simpanan Jupiter, Mars, yang juga merupakan ibu kepada Saturn. Uranus telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Saturn dan mendakwa bahawa Wasiat Pertama ialah wasiat dan testamen Jupiter yang terakhir.

Semasa perbicaraan, kedua-dua Neptune dan Pluto telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan mengesahkan bahawa mereka telah menyaksikan Jupiter menyempurnakan Wasiat Pertama itu dengan sewajarnya. Semasa di peringkat kes pembelaan, Saturn telah mengemukakan suatu surat ikatan kepada mahkamah yang disediakan dan ditandatangani oleh Jupiter pada tahun 2015 (“Surat Ikatan”) yang dalamnya Jupiter menyatakan bahawa dia akan menyempurnakan pemindahan kesemua hartanya kepada Saturn dan Mars apabila tiba masanya. Saturn juga telah mengemukakan kepada mahkamah suatu video

oleh Jupiter yang dalamnya dia telah menyatakan bahawa dia tidak mahu ada apa-apa kaitan dengan Uranus dan isterinya, Venus, yang juga merupakan ibu kepada Uranus dan mendakwa bahawa Saturn ialah anak lelakinya yang sah. Dia seterusnya menyatakan kasih sayangnya untuk Mars dalam video itu. Saturn juga telah memberikan keterangan bahawa beberapa hari selepas kematian Jupiter, Mercury telah berjumpa dengan Saturn dan Venus dan memaklumkan mereka bahawa Jupiter telah menyempurnakan Wasiat Kedua sebagai ganti untuk Wasiat Pertama (“Perjumpaan”). Mercury sejak itu telah memberhentikan amalan undang-undangnya dan sedang menghadapi beberapa pertuduhan fraud. Saturn tidak memanggil Mercury sebagai saksinya. Semasa perbincangan, Uranus telah membantah kebolehterimaan Surat Ikatan dan video itu, dan mendakwa bahawa Perjumpaan dengan Mercury itu ialah dengar cakap.

Berikan nasihat kepada Saturn, dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, mengenai perkara yang berikut:

- (a) **Kebolehterimaan Surat Ikatan itu.** (7 markah)
- (b) **Kebolehterimaan video itu.** (8 markah)
- (c) **Akibat kegagalan Saturn untuk memanggil Mercury.** (10 markah)

**7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini**

- (a) Romeo telah memulakan suatu tindakan terhadap Juliet dan suaminya, Casanova, bagi suatu perisytiharan bahawa dia (Romeo) diberi akses kepada Tybalt, seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun. Semasa perbincangan, Romeo mengatakan bahawa dia merupakan bapa kandung Tybalt, kerana dia telah mengadakan hubungan sulit dengan Juliet dalam lingkungan masa

Tybalt dikandung. Juliet mengakui hubungan sulit itu tetapi menafikan pengataan paterniti Romeo. Juliet mengekalkan pendirian bahawa dia telah berkahwin secara sah dengan Casanova pada masa Tybalt dilahirkan melalui hubungan perkahwinan mereka. Juliet dan Casanova telah mengemukakan sijil perkahwinan mereka yang menunjukkan bahawa mereka telah berkahwin lebih kurang lapan bulan sebelum kelahiran Tybalt.

**Sebagai peguam Juliet dan Casanova, berikan nasihat kepada mereka dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan mengenai tuntutan paterniti Romeo ke atas Tybalt.**

**(10 markah)**

- (b) Darnel telah memulakan tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Negeri sebagai benefisiari kepada Cropp, yang merupakan moyang lelaki yang telah meninggal dunia, ke atas pemilikan sebidang tanah. Darnel mendakwa bahawa pada asalnya Cropp memiliki dan menduduki tanah itu sejak tahun 1900 sehingga kematiannya pada tahun 1950. Kerajaan Negeri telah mengemukakan pelbagai dokumen untuk menunjukkan bahawa tanah itu tidak pernah dimiliki oleh moyang lelaki Darnel. Dokumen-dokumen itu termasuklah—
- (i) suatu artikel oleh seorang yang bernama Encik Crossfellow dalam surat khabar Straits Settlement Times yang diterbitkan pada tahun 1929, yang menyatakan bahawa tanah yang dipertikaikan itu ialah tanah Negeri dan bahawa tanah itu telah diuntukkan bagi pembangunan bersama-sama tanah-tanah lain di sekelilingnya menjadi sebuah perbandaran baharu oleh Kerajaan Negeri untuk menampung keperluan pekerja-pekerja lombong timah yang berhampiran; dan
  - (ii) suatu buku mengenai sejarah Negeri oleh seorang yang bernama Encik Cunningman yang diterbitkan pada tahun 1951 yang menyatakan

dalam salah satu babnya bahawa tanah yang dipertikaikan itu, yang merupakan tanah Negeri, telah diniatkan untuk dibangunkan menjadi sebuah perbandaran bersama-sama tanah-tanah lain di sekelilingnya untuk menampung industri lombong timah yang bersebelahan tetapi tidak diteruskan disebabkan oleh Perang Dunia Kedua.

Kedua-dua Encik Crossfellow dan Encik Cunningman tidak boleh dikesan dan dianggap telah mati.

Semasa perbicaraan, peguam bagi Kerajaan Negeri telah menghujahkan bahawa mahkamah boleh menerima artikel dan buku sejarah itu sebagai keterangan untuk membuktikan bahawa tanah itu milik Kerajaan Negeri dan sepatutnya menolak tuntutan Darnel.

**Dengan merujuk Akta Keterangan 1950 dan undang-undang kes yang berkaitan, jelaskan keputusan anda sebagai Hakim yang menjalankan perbicaraan sama ada artikel dan buku sejarah itu boleh diterima sebagai bukti terhadap pemilikan tanah itu oleh Kerajaan Negeri.**

**(15 markah)**

**oOOo**